



UNDANG-UNDANG BOLA JARING SUKAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (SUKUUM) 2016

1.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

Pertandingan ini dijalankan mengikut Undang-Undang Gabungan Persekutuan Bola Jaring Antarabangsa / 'International Federation Netball Association' (IFNA) dan Persatuan Bola Jaring Malaysia (PBJM) / Malaysia Netball Association (MNA).

2.0 PERATURAN PERTANDINGAN

Mengikut Undang-Undang dan Peraturan Am Pertandingan Sukan Staf Universiti Utara Malaysia (SUKUUM) yang dikuatkuasakan sepanjang kejohanan sukan ini.

3.0 JENIS PERTANDINGAN

Pertandingan Antara Pasukan Staf Universiti Utara Malaysia.

4.0 PENDAFTARAN PERMAINAN/PEMBENTUKAN PASUKAN

- I. Pemain 15 orang
- II. 2 orang Pegawai Pasukan iaitu :
 - a. 1 orang Pengurus Pasukan
 - b. 1 orang Jurulatih Pasukan

5.0 PASUKAN/PERTUKARAN PEMAIN

- 5.1 Tiap-tiap pasukan mesti mempunyai sekurang-kurangnya minimum 5 (lima) orang pemain sebelum satu-satu perlawanan dimulakan. Jika kurang daripada jumlah ini pasukan tersebut dikira menerima kekalahan.

6.0 UNDANG-UNDANG PERMAINAN

- 6.2.1 Undang-Undang 3.4.2 (dalam Buku Peraturan Bola Jaring) : Semasa permainan berlangsung, Pegawai Pasukan dan pemain simpanan dibenarkan memberi tunjuk ajar asalkan mereka duduk atau berdiri di bangku pasukan. Tunjuk ajar juga dibenarkan semasa rehat (rujuk Undang-Undang 2.1 dan 2.2) dan semasa PEMBERHENTIAN (rujuk Undang-Undang 7). Pegawai Pasukan dan pemain simpanan tidak boleh mengeluarkan kata-kata atau kelakuan yang tidak sopan (rujuk Undang-Undang 20 (iv) dan 20.1.2). Sekiranya pasukan tidak mempunyai Pegawai Penjagaan Utama, pasukan perubatan yang bertugas di venue secara automatik bertindak sebagai Pegawai Penjagaan Utama tersebut.

6.2.2 Undang-Undang 7 : Semasa berlaku sesuatu PEMBERHENTIAN, SALAH SEORANG PEGAWAI PASUKAN BOLEH MENGHAMPIRI GARISAN TEPI UNTUK MEMBERI TUNJUK. Pemain simpanan boleh menghampiri Garisan Tepi sekiranya tunjuk ajar berlaku. Semasa Pemberhentian, salah seorang Pegawai Pasukan boleh menghampiri pemain di Garisan Tepi untuk tujuan memberi minuman (rujuk Undang-Undang 3, 7, 7.1, 7.2 dan 7.3).

6.2.3 Masa pemberhentian kecederaan yang dibenarkan adalah seperti berikut :

- 6.3.2.1 Pemberhentian kecederaan kali 1 (pertama) daripada mana-mana pasukan diberi sehingga 2 (dua) minit sahaja. Pemain boleh dirawat di dalam atau di luar gelanggang.
- 6.3.2.2 Pemberhentian kecederaan kali kedua (2) dan seterusnya daripada pasukan yang sama dalam masa permainan yang sama diberi sehingga 30 (tiga puluh) saat sahaja. Pemain MESTILAH dirawat di luar gelanggang atau pertukaran pemain dilakukan (bergantung daripada keputusan jurulatih pasukan). Sekiranya pemain lewat mengambil tempat selepas tempoh 30 saat, pemain tersebut tidak boleh terus memasuki gelanggang sehingga diberitahu oleh pengadil mengikut peraturan pemain yang lewat memasuki gelanggang.
- 6.3.2.3 Sekiranya pemberhentian diminta oleh pasukan yang berbeza maka kiraan kecederaan akan dikira bermula daripada yang pertama (1) dan seterusnya.
- 6.3.2.4 Pemberhentian kecederaan adalah mengikut pemberhentian yang ke berapa, pasukan yang meminta dan masa permainan yang terlibat. Pemberhentian kecederaan akan bermula baru apabila perlawanan memasuki masa perlawanan berikutnya (setelah permainan berhenti rehat).

7.0 SISTEM PERTANDINGAN

7.1 Sila rujuk Peraturan Am (5.0) SUKUM

8.0 CARA MEMUTUSKAN KEPUTUSAN

8.1 Secara Liga

8.1.1 Cara memberi mata:

Menang - 2 mata

Seri - 1 mata

Kalah - 0 mata

8.1.2 Jika dua (2) atau lebih pasukan mendapat jumlah mata yang sama, maka pemenang akan ditentukan seperti berikut:-

8.1.2.1 Purata gol akan menentukan kedudukan (iaitu: jumlah jaringan gol dibahagi dengan jumlah gol yang kena)

8.1.2.2 Jika masih seri, maka perbezaan gol akan digunakan (iaitu : jumlah jaringan gol ditolak dengan gol yang kena)

8.1.2.3 Jika masih seri, pasukan yang menjaring gol terbanyak akan diisytiharkan sebagai pemenang.

9.0 MASA BERMAIN

9.1 15 minit x 3 minit x 15 minit

(Pasukan hendaklah bertukar gol selepas separuh masa permainan).

10.0 YANG DITUNDA ATAU DIHENTIKAN

10.1 Sekiranya pengadil berpendapat bahawa padang tidak sesuai untuk permainan disebabkan oleh keadaan cuaca, atau kerana hal-hal yang tidak dijangkakan, perlawanan tidak dapat dimainkan, atau sekiranya sesuatu perlawanan dihentikan akibat hal-hal di luar kawal kedua-dua pasukan, maka perlawanan yang ditunda atau dihentikan hendaklah dilangsungkan pada tarikh, tempat dan masa yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa Pengelola.

11.0 PAKAIAN

11.1 Rujuk Undang-Undang Antarabangsa.

11.2 Huruf-huruf dibawah hendaklah disemadikan di bahagian hadapan dan belakang baju pemain iaitu :

GS - Penjaring Gol (Goal Shooter)

GA - Penyerang Gol (Goal Attack)

WA - Penyerang Sayap (Wing Attack)

C - Pemain Tengah (Centre)

WD - Penangkis Sayap (Wing Defence)

GD - Penahan Gol (Goal Defence)

GK - Penjaga Gol (Goal Keeper)

12.0 KELEWATAN

12.1 Hanya 10 minit sahaja akan diberikan kepada pasukan yang lewat dan selepas masa itu, pihak lawannya akan diberi kemenangan percuma kepada pasukan yang berada di gelanggang dengan 2 mata dan jaringan 10-0.

13.0 BANTAHAN/RAYUAN

13.1 Mengikut Peraturan Am SUKUUM (Perkara 9.0 dan 10.0).

14.0 PERKARA YANG TIDAK DINYATAKAN

14.1 Sila rujuk Peraturan Am (12.0) SUKUUM. SUKAN STAF UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (SUKUUM)